

Tujuh NGO hantar memorandum isu keselamatan kepada UMS

UB 17.8.2018 A4

Oleh VIVI OLIVIANA
NAJURUS

KOTA KINABALU: Tujuh badan bukan kerajaan (NGO) menghantar memorandum berkenaan isu keselamatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sususlan insiden rogol seorang mahasiswa di universiti itu pada 15 Julai lalu.

Pengerusi Gabungan Mahasiswa Islam Sematik (Gamis) Kamran Muhamad Bahron berkata memorandum yang menggariskan tiga tuntutan dihantar kepada wakil Jabatan Ketua Menteri di pejabatnya.

Katanya isu pertama yang dikemukakan melalui memorandum itu adalah bagi meningkatkan tahap keselamatan di universiti berkenaan.

“Keamanan, keselamatan



KAMRAN menunjukkan salinan memorandum itu.

dan kesejahteraan pelajar universiti adalah isu penting yang perlu ditangani oleh pihak pentadbiran UMS termasuklah pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) dan kawalan keselamatan lebih

ketat di kawasan kampus.

“Perkara ini juga akan dimajukan kepada naib canselor UMS dan kita sudah menetapkan tarikh untuk bertemu dengan beliau bagi membincangkan isu ini dengan

lebih terperinci,” katanya.

Pihaknya juga akan membuat perhimpunan solidariti di bekas bangunan mahkamah di sini pada 29 Ogos depan sebagai tanda sokongan kepada mangsa.